

25/03/2002

Kerajaan tidak campur tangan isu TRI, Danaharta

Kadir Dikoh

KERAJAAN tidak akan campur tangan dalam isu perundangan antara Technology Resources Industries Bhd (TRI) dan Pengurusan Danaharta Nasional Berhad (Danaharta), kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Isu ini adalah berkaitan dengan syarikat, jadi biarlah mereka menyelesaikannya. Ini bukan urusan kerajaan," katanya kepada pemberita selepas menyambut ketibaan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di pangkalan TUDM, Subang, semalam.

Beliau diminta mengulas tindakan Pengerusi/Ketua Eksekutif TRI, Tan Sri Tajudin Ramli memohon injunksi bagi menghalang Danaharta daripada menjual sahamnya dalam syarikat itu.

Pemohonan itu dijangka didengar di Mahkamah Tinggi hari ini.

Abdullah berkata, Danaharta, sebagai agensi pengurusan aset mempunyai peranan dalam menguruskan hal berkaitan syarikat.

"Jadi, biar ia kendalikan perkara ini," kata Abdullah.

Mengenai injunksi oleh Tajudin, beliau berkata, tidak ada siapa yang boleh menghalang Pengerusi TRI itu membuat permohonan berkenaan jika dia berpendapat itu adalah haknya.

Tajudin yang kini berusaha mengekalkan penguasaannya dalam TRI dilaporkan mencagar sejumlah besar saham miliknya bagi memperoleh pinjaman bernilai kira-kira RM1 bilion.

Beliau dikatakan menyandarkan 40 peratus daripada pegangannya dalam TRI sebagai jaminan untuk mendapatkan pinjaman yang kemudiannya dipindahkan kepada Danaharta.

TRI yang menanggung beban hutang berjumlah lebih RM4 bilion baru-baru ini sudah menyelesaikan program permodalan semula yang dilaksanakan menerusi terbitan terhad dan hak bagi menebus Bon euro boleh tukar bernilai AS\$375 juta (RM1.42 bilion) dan pinjaman Danaharta berjumlah RM500 juta.

Bekas Pengerusi Eksekutif Penerbangan Malaysia (MAS) itu memegang 24.3 peratus kepentingan dalam TRI yang turut memiliki Celcom (Malaysia) Bhd, pengendali perkhidmatan telekomunikasi mudah alih kedua terbesar tempatan, dengan lebih dua juta pelanggan.

Sementara itu, Danaharta dalam kenyataannya semalam menyatakan akan mempertahankan haknya berkaitan penjualan saham milik Tajudin dalam TRI.

Agensi penyusunan hutang tidak berbayar korporat itu menegaskan ia akan mempertahankan haknya berhubung pinjaman cagaran dan bersedia menghadapi perbicaraan di mahkamah.

Menurut kenyataan itu, adalah menjadi prinsip asas perbankan peminjam mematuhi syarat pinjaman dan tidak perlu takut penjualan cagaran mereka.

"Bagaimanapun, peminjam yang gagal menjelaskan pinjaman perlu bertanggungjawab terhadap prestasi akaun mereka dan sedia menghadapi kesannya," katanya.

Danaharta berkata, ia melayani peminjam secara profesional dengan sikap terbuka dan dalam soal ini, Tajudin tidak terkecuali.

(END)